

HELAIAN MAKLUMAN PRODUK



Sila baca Helaiian Makluman Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon **Kemudahan Overdraf**.
(Sila pastikan terma dan syarat umum juga telah dibaca)

Nama Produk : Kemudahan Overdraf bercagarkan Unit Trust

Tarikh : < Tarikh cetakan surat tawaran >

1. Apakah produk ini?

Ini adalah Kemudahan Overdraft bercagar bagi individu untuk pengeluaran wang tunai untuk tujuan komitmen peribadi. Kemudahan kredit berputar ini boleh dibayar balik atas permintaan. Anda menawarkan cagaran yang boleh diterima oleh Bank untuk kemudahan ini. Faedah akan dikenakan setiap hari berdasarkan jumlah baki overdraf yang telah digunakan.

2. Apakah yang dapat saya perolehi daripada produk ini?

- Had kemudahan kredit: RM_____ (Keseluruhan Amaun Pinjaman)
- Kadar Faedah: BR* +0.47% setahun (Kadar Faedah Efektif : **4.35%** setahun)
- Kaedah Asas ("BR") semasa adalah 3.88% setahun
- Kadar Faedah dikira berdasarkan kiraan baki harian
- Margin pendahuluan: Sehingga 60%
- Tempoh kemudahan pinjaman adalah tertakluk kepada penilaian tahunan mengikut budi bicara Bank di mana Bank berhak untuk menggantung, menarik balik, membatalkan atau menamatkan kemudahan overdraf anda pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis.
- Nota:
 - i) Kadar faedah 0% setahun untuk 6 bulan pertama, 7 bulan seterusnya pada kadar faedah BR* + 0.47% setahun. Had minima untuk pinjaman adalah RM100,000-00 (untuk Promosi Supreme Zero, sah dari tarikh 18 Jun 2019 sehingga 30 September 2019).
 - ii) Kadar faedah yang ditentukan muktamad akan dinyatakan dalam Surat Tawaran yang akan diberikan kepada anda.

3. Apakah itu Kadar Asas (BR)?


BR yang kami tawarkan bagi produk ini terdiri daripada dua bahagian, penanda aras kos dana (COF) kami dan kos keperluan rizab berkanun (SRR) yang dikenakan oleh Bank Negara Malaysia. Penanda aras COF kami menunjukkan kos penajaan dana baru dalam situasi lazim pasaran pembiayaan adalah berdasarkan kadar KLIBOR 3 bulan dan deposit pelanggan.

4. Apakah senario yang memungkinkan perubahan dalam BR?

BR kami boleh naik atau turun bergantung kepada perubahan dalam penanda aras COF dan perubahan dalam SRR. Perubahan dalam penanda aras COF boleh berlaku disebabkan oleh perubahan dalam Kadar Dasar Semalaman (OPR) seperti yang ditentukan oleh Jawatankuasa Dasar Monetari Bank Negara Malaysia, serta faktor-faktor lain seperti keadaan pasaran pembiayaan, jangkaan kadar faedah pada masa depan dan arah aliran industri deposit.

5. Sejarah penanda aras COF sejak Januari 2015.

Benchmark COF and Published BR



6. Apakah tanggungjawab saya?

- Membayar faedah bulanan yang dicaj kepada anda berdasarkan amaun overdraf yang telah digunakan.
- Membayar kesemua jumlah baki pinjaman termasuk baki pinjaman asal, faedah dan sebarang caj lain yang dikenakan jika anda berhasrat untuk membatalkan pinjaman.
- Membuat pembayaran untuk menetapkan kedudukan akaun dalam margin pembiayaan yang diluluskan dalam jangka masa 48 jam selepas panggilan margin jikalau anda melebihi 5% dari margin pembiayaan yang diluluskan.
- Margin pembiayaan dalam akaun anda mungkin berubah mengikut nilai unit amanah anda yang dicagarkan.
- Kadar faedah ke atas pinjaman ini adalah berdasarkan pada BR yang mungkin berubah dari semasa ke semasa. Sebarang kenaikan dalam BR mungkin menyebabkan kadar pembayaran faedah bulanan yang lebih tinggi.

• Formula Pengiraan Faedah:

$$\frac{\text{Baki Pinjaman} \times \text{Kadar Faedah} \times \text{Bil. Hari}}{365}$$

Jika anda menghadapi masalah untuk memenuhi tanggungjawab pinjaman anda, hubungi kami dengan segera untuk membincangkan alternatif pembayaran

7. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?

- | | |
|--|---|
| • Duti Setem atas Surat Tawaran | 0.5% daripada had kredit yang diluluskan. |
| • Duti Setem atas Memorandum Deposit | RM10 |
| • Fi Pengesahan atas "Statutory Declaration" | Per caj |

Yuran Komitmen: Fi Komitmen sebanyak satu peratus (1%) setahun ke atas bahagian Kemudahan yang tidak digunakan perlu dibayar jika had kemudahan overdraf yang diberikan kepada anda melebihi RM250,000.

Fi Lebihan: Fi Lebihan sebanyak satu peratus (1%) setahun ke atas amaun yang melebihi had kemudahan.

Nota: i) Mulai 1 Jun 2018, Fi dan caj adalah tertakluk kepada cukai kerajaan, jika berkenaan.

ii) Sila rujuk kepada www.hlb.com.my untuk senarai lengkap fi dan caj atau kunjungi mana-mana cawangan kita.

8. Apakah yang akan berlaku jika saya gagal memenuhi tanggungjawab saya?

- Baki kadar faedah bulanan yang belum dijelaskan akan dikompaunkan ke atas baki pinjaman.
- Faedah ingkar 1% melebihi kadar yang ditetapkan setahun akan dikenakan ke atas amaun yang melebihi had pinjaman overdraf anda.
- Jikalau anda gagal untuk membuat pembayaran apabila berlaku panggilan margin, pihak bank akan mula membubarkan sebahagian atau keseluruhan bahagian daripada unit amanah yang dicagarkan untuk memulihkan margin pembiayaan yang diluluskan.
- **Hak untuk penyelesaian:** Pihak bank berhak untuk menyelesaikan sebarang baki kredit di dalam akaun anda yang dibuka bersama kami untuk sebarang baki tertunggak di dalam akaun Overdraf ini.
- Adalah bertanggungjawab anda untuk menyelesaikan kekurangan sekiranya ada, tindakan mahkamah boleh diambil terhadap anda jika anda gagal untuk membayar balik jumlah yang belum dijelaskan apabila Bank menuntutnya.
- Tindakan mahkamah terhadap anda akan mempengaruhi kedudukan kredit anda yang akan membawa kepada kredit menjadi lebih susah atau lebih mahal.

9. Apakah yang akan berlaku jika saya menyelesaikan sepenuhnya pinjaman di dalam tempoh penalti?

Anda boleh membuat pembayaran penuh ke atas pinjaman anda pada bila-bila masa tanpa sebarang penalti.

10. Perlukah saya memiliki penjamin atau cagaran?

Penjamin tidak diperlukan, namun unit amanah diperlukan sebagai cagaran untuk kemudahan ini.

11. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat sebarang perubahan pada maklumat perhubungan saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami mengenai sebarang perubahan terhadap maklumat perhubungan anda untuk memastikan anda menerima semua surat-menyurat tepat pada masanya. Untuk mengemaskini maklumat perhubungan anda, sila hubungi kami di +603-7626 8899 atau kunjungi mana-mana cawangan di seluruh negara.

12. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan atau pembelaan?

- Jika anda mengalami masalah dalam pembayaran, anda boleh menghubungi kami pada peringkat awal untuk perbincangan. Anda boleh menghubungi Pusat Pembiayaan Margin Saham kami di: Hong Leong Bank Berhad, Level 13 Hong Leong Tower, No.6, Jalan Damanela, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur.
Tel: +603-2081 2890, Fax: +603-2081 8930 E-mel: SMF_KLM@hlbb.hongleong.com.my
- Anda juga boleh mendapatkan khidmat Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan wang, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula pembiayaan secara percuma kepada individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:
Tingkat 8, Maju Junction Mall. 1001, Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur.
Tel: 03-2616 7766 E-mel: enquiry@akpk.org.my
- Jika anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh kami, anda boleh menghubungi kami di: Service Recovery & Complaint Resolution - Customer Experience, Hong Leong Bank Berhad, Level 13A, Hong Leong Tower, No. 6 Jalan Damanela, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur.
Tel: +603-7626 8899 Fax: +603-7946 8888. E-mel: HLOnline@hlbb.hongleong.com.my

• Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan secara puas oleh kami, anda boleh menghubungi:
Bank Negara Malaysia LINK or TELELINK at: Block D, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur.
Tel: 1-300-88-5465 Fax: +603-2174 1515 E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my

• Jika anda tidak berpuas hati dengan keputusan berkenaan dengan aduan anda, anda boleh menghubungi:
Securities Industry Dispute Resolution Center ("SIRDEC") di:
Unit A-9-1, Level 9, Tower A, Menara UOA Bangsar, No. 5 Jalan Bangsar Utama 1, 59000 Kuala Lumpur.
Tel: +603-2282 2280, E-mail:info@sidrec.com.my

13. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda ada sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Hong Leong Bank Berhad
Level 16, Hong Leong Tower,
No.6, Jalan Damanlela, Bukit Damansara
50490 Kuala Lumpur
Tel : 603 2081 1678

NOTA PENTING:

**PIHAK BANK BOLEH MENGAMBIL TINDAKAN UNTUK MEMBUBARKAN DAN MENGAMBIL KOLATERAL YANG
DICAGARKAN SEKIRANYA ANDA TIDAK MEMATUHI PANGGILAN MARGIN DALAM JANGKA MASA 48 JAM SEPERTI
YANG DITETAPKAN**

Maklumat yang disediakan di dalam helaian maklumat ini sah dari 1/Sep/2019